

UM 26 JUL 2001  
Kes penulis  
*50 Dalil*  
ditangguh

KUALA LUMPUR 25 Julai — Perbicaraan kes penulis buku, *50 Dalil Mengapa Anwar Tidak Boleh Jadi PM*, Khalid Jafri ditangguhkan oleh Mahkamah Sesyen Ampang dekat sini sehingga Jumaat ini.

Hakim Mohd. Saman Mohd. Ramli membenarkan penangguhan setelah Timbalan Pendakwa Raya, Abdul Karim Abdul Jalil memaklumkan bahawa saksi utamanya iaitu Deputi Supritendan, Mohd. Rodwan Yusof tidak dapat hadir ke mahkamah.

Menurut Abdul Karim, Rodwan terlibat dalam suatu tugas penting di Alor Setar, Kedah.

Abdul Khalid @ Khalid Jafri Bakar Shah, 60, menghadapi tuduhan menulis berita palsu pada muka surat 29, perenggan 12 buku tersebut.

Tertuduh didakwa melakukan perbuatan itu pada bulan Mei 1998 di Pejabat Media Pulau Legenda di alamat No. 27M, Jalan Kosas 13, Taman Kosas, Ampang.

Khalid didakwa mengikut Seksyen 8A(1) Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 yang membawa hukuman penjara sehingga tiga tahun atau denda RM20,000 atau keduanya sekali jika disabitkan kesalahan.